

24 AUG 1998

TUMPUKAN USAHA ATASI MASALAH EKONOMI - PAK LAH

GENTING HIGHLANDS, 24 Ogos (Bernama) -- Anggota UMNO diminta menumpukan perhatian mereka kepada usaha memulihkan ekonomi dan tidak terseret dalam politik yang boleh menjejaskan keutuhan parti, kata Naib Presidennya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Cabaran sebenar adalah untuk memulihkan ekonomi dan itu sepatutnya menjadi keutamaan kita," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di forum bertajuk "Pemulihan di Bosnia dan Herzegovina" di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan terdapat banyak "politik" dalam parti itu terutamanya di peringkat akar umbi sejak kebelakangan ini terutamanya menjelang pemilihan parti itu tahun depan.

"Apabila kita menghadapi peperangan (ekonomi), kita mesti bersatu-padu dan mesti ada hanya satu kapten," kata Abdullah yang turut meminta anggota parti itu berpegang kuat kepada prinsip berkenaan.

Beliau yang juga Menteri Luar berkata pemilihan itu masih jauh dan tidak seharusnya menimbulkan keadaan tidak tentu arah di kalangan anggota parti itu.

"Apa-apa boleh berlaku kepada ekonomi kita dalam dua tiga bulan ini dan ia (masalah ekonomi) menjadi keutamaan kita," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru anggota parti supaya bersatu-padu di bawah pimpinan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengatasi kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak Julai tahun lalu.

-- BERNAMA

HJ oba